



SWM Environment Negeri Sembilan sumbang bantuan 1,250 keluarga terjejas banjir

SYARIKAT konsesi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam, SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) Negeri Sembilan menyerahkan bantuan kepada 1,250 buah keluarga yang terjejas banjir di Negeri Sembilan.

Bantuan menerusi SWM Kasih iaitu program tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat itu diserahkan kepada Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun pada satu majlis yang diadakan di Seremban baru-baru ini.

Sumbangan bantuan tersebut berupa barangan elektrik seperti peti ais, periuk nasi, kipas meja, pengisar makanan dan dapur gas.

Selain itu SWM Environment turut menyumbang sebanyak 250 buah mesin air bertekanan tinggi

kepada pihak berkuasa tempatan dan agensi berkaitan bagi tujuan pembersihan sekiranya berlaku lagi bencana banjir pada masa akan datang.

■ AMINUDDIN Harun (depan

tiga dari kiri) menerima barangan sumbangan daripada pihak SWM Environment untuk diserahkan kepada keluarga terjejas banjir di Negeri Sembilan. - UTUSAN/ZAKKINA WATI AHMAD TARMIZI